

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

SOALAN NO. 260

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sama ada Kementerian bersedia untuk meningkat dana keusahawanan untuk golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian komited untuk membantu usahawan daripada golongan B40 dengan pelaksanaan program-program sedia ada dan yang dalam perancangan.
2. Kementerian bersedia menggunakan peruntukan kewangan sedia ada dengan memberi tumpuan bantuan kepada usahawan golongan B40 sama ada di luar bandar atau di kawasan bandar bagi memastikan impak pelaksanaan tercapai kepada golongan berkenaan.
3. Program-program yang disediakan kepada usahawan golongan B40 adalah seperti berikut:

3.1 Program Pembangunan Usahawan Fertigasi (Fertigreneur)

Program Pembangunan Usahawan Fertigasi (Fertigreneur) menyasarkan penglibatan golongan B40, belia, warga emas, ibu

tunggal serta orang kelainan upaya (OKU) bagi menggalakkan usahawan berasaskan tanaman fertigasi.

Melalui program ini usahawan baru dijangka menjana pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan merangsang peningkatan pengeluaran produk tanaman pertanian secara komersil.

3.2 **TEKUN**

TEMAN TEKUN, TEKUN Niaga dan TEKUN SPUMI

Sehingga Mei 2019, TEKUN Nasional telah membiayai seramai 9,804 orang usahawan golongan B40 melibatkan pembiayaan berjumlah RM102.15 juta meliputi TEMAN TEKUN, TEKUN Niaga dan TEKUN SPUMI (Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India) khusus kepada golongan sasaran dan keperluan pembiayaan tertentu.

TEKUN juga telah merancang untuk menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memberi bantuan pembiayaan kepada bekas banduan, bekas pelatih pusat serenti dan juga OKU. TEKUN Nasional telah menyediakan peruntukan khusus berjumlah RM2 juta bagi melaksanakan program ini.

3.3 **SME Corp**

Program *Micro Connector*

SME Corp. Malaysia telah menerima peruntukan berjumlah RM2 juta bagi memberi bantuan di peringkat permulaan kepada usahawan mikro untuk memula dan menjalankan perniagaan serta melatih komuniti B40 untuk mendapatkan kemahiran baru bagi menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan.

Sekian, terima kasih.